

17 NOV 2002

Dewan-Kedah (Sultan)

SULTAN KEDAH SERU UMAT ISLAM BUAT ANJAKAN PARADIGMA

ALOR STAR, 17 Nov (Bernama) -- Sultan Kedah hari ini menyeru umat Islam di negeri ini yang lemah dalam bidang sains supaya membuat satu anjakan paradigma sebagai menghadapi cabaran globalisasi.

Mempelajari ilmu sains merupakan fardu kifayah dan akan diberikan ganjaran pahala yang besar oleh Allah, titah baginda semasa merasmikan pembukaan mesyuarat Bajet 2003 Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah di Wisma Darul Aman di sini.

Sultan Kedah juga melahirkan rasa gembira dengan langkah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang akan membina Pusat Sains Wilayah Utara di kawasan Gunung Keriang sebagai langkah memajukan pelajar di negeri ini dengan ilmu sains.

Baginda juga bertitah dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains juga adalah bertepatan dan memanfaatkan semua kerana bahasa itu merupakan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) global dan ilmu tanpa sempadan.

Malah dalam menuju matlamat Kedah maju 2010 dan Wawasan 2020, rakyat sepatutnya bukan sahaja dapat menguasai bahasa Inggeris tetapi juga bahasa Arab, Mandarin, Perancis dan lain-lain, titah baginda.

Sultan Kedah bertitah ketika ini lebih 70 peratus kandungan ilmu global adalah dalam bahasa Inggeris manakala 90 peratus isi kandungan ilmu sains juga dalam bahasa Inggeris.

Dalam dunia dan ekonomi global ini, penguasaan matematik dan sains akan menentukan tahap K-Daya Saing Malaysia, titah baginda.

Sultan Kedah juga menyeru umat Islam di negeri ini supaya tidak bersikap ekstremis dalam mengembang dan memperjuangkan syiar Islam dan mahu mereka memperkukuhkan tali persaudaraan.

Baginda bertitah tindakan segelintir ekstremis Islam di zaman moden ini telah menyebabkan Islam dilabelkan dan dikaitkan dengan keganasan yang telah menjejaskan aliran pelaburan dan pelancongan yang akan merugikan rakyat dan negara.

Sultan Kedah bertitah generasi muda di negeri ini perlu berlumba-lumba memperolehi ilmu dunia dan akhirat ekoran pelbagai kemudahan institusi pengajian telah disediakan.

Baginda juga menyokong cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperkenalkan Khidmat Negara ke arah mewujudkan masyarakat berdisiplin dan cintakan negara, bangsa dan tanah air.

Sultan Kedah juga melahirkan rasa bangga atas kejayaan kontinjen Kedah pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) di Sabah baru-baru ini dengan memungut 17 pingat emas, 15 perak dan 17 gangsa.

Kejayaan itu adalah hasil usaha gigih dalam pembangunan sukan oleh kerajaan negeri dan Kedah sedang berusaha menjadi tuan rumah kepada Sukma 2006 nanti, titah baginda.

Sultan Kedah berharap agensi-agensi kerajaan negeri seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Keda), Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengaliran dan Saliran terus berusaha merealisasikan sebuah masyarakat luar bandar yang membangun dan maju mengikut matlamat pelan tindakan Kedah Maju 2010.

Skop 'Satu Kampung Satu Produk' telah memberi impak positif di negeri ini dan kini diperluaskan kepada 'Satu Kampung Satu Industri' bagi menambah pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar.

-- BERNAMA

FIZ FMF IAW MAN RHM

